

21 OCT 1996

Mahathir-Belanjawan

MATLAMAT BELANJAWAN MENINGKATKAN PERTUMBUHAN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Belanjawan tahun depan yang dibentangkan Jumaat ini akan tetap bermatlamat meningkatkan pertumbuhan sambil memelihara alam sekitar.

"Belanjawan itu juga ke arah mengurangkan defisit dalam imbangan pembayaran khususnya untuk menggalakkan pertumbuhan dalam Koridor Raya Multi-media," kata Dr Mahathir pada persidangan berita selepas merasmikan Persidangan Industri Pembekal Tenaga Elektrik (CEPSI) kali ke-11 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

"Umumnya inilah strategi asas Belanjawan...saya tidak boleh nyatakan lebih daripada itu," kata beliau.

Belanjawa 1997 akan dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan.

Ketika ditanya mengenai peranan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP), Perdana Menteri berkata kerajaan perlu mengatur masa bagi penyertaan IPP supaya selaras dengan keperluan tenaga negara.

"Sudah tentu kita mahu tenaga elektrik pada harga yang seberapa rendah yang boleh. Oleh itu sesiapa yang mahu menjalankan usaha dalam lapangan itu mestilah meyakinkan kita bahawa mereka akan membantu kita kerana kita tidak mahu membunuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dengan memberi terlalu banyak keuntungan kepada IPP," kata beliau.

Bagaimanapun beliau berkata jumlah loji yang sedang dimulakan oleh IPP atau yang sedang dalam proses kelulusan adalah agak besar, dan kerajaan mungkin terpaksa menghentikan pembinaan lebih banyak lagi loji IPP.

Dr Mahathir berkata kos bagi sesebuah loji tenaga adalah tinggi. Kerana itu tidak wajar untuk membiarkan mereka membina loji dan kemudian membiarkannya begitu sahaja melainkan kerajaan dapat memastikan pasarannya.

Mengenai tenaga elektrik dan alam sekitar, Dr Mahathir berkata negara maju telah membina tenaga hidroelektrik mereka pada masa "tidak terdapat makhluk seumpama aktivis alam sekitar."

"Oleh itu mereka dapat merosakkan alam sekitar mereka untuk mendapatkan tenaga elektrik manakala dalam hal kita, kita terpaksa mengeluarkan wang untuk menjaga alam sekitar kita," kata beliau.

Mengenai usaha memperkenalkan kenderaan yang menggunakan tenaga elektrik, Dr Mahathir berkata beliau yakin terdapat pasaran yang besar bagi kenderaan seumpama itu di negara ini.

Bagaimanapun untuk menjadi popular, kereta elektrik hendaklah dibuat supaya sesuai untuk keselamatan pemanduan dan langkah-langkah diambil bagi memastikan bekalan tenaga elektrik yang tetap dengan mengadakan pusat servis bagi memudahkan bateri kereta itu dicaj semula.

Dr Mahathir berkata Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) telah membuat ujian terhadap kereta elektrik dengan kerjasama beberapa syarikat termasuk sebuah dari Amerika Syarikat, yang malangnya sudah bankrap.

Pengerusi Eksekutif TNB Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali berkata van elektrik (E-Van) yang dimajukan oleh TNB Research And Development Sdn Bhd dengan kerjasama IVO of Finland adalah sesuai untuk kawasan bandar kerana ia kurang mencemarkan udara.

Beliau berkata van itu telah diluluskan kesesuaiannya di jalan raya oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan TNB sedang mencari rakan untuk membantu memperelokkannya lagi.

"Kami sedang mencari jalan untuk memperelokkan lagi van itu, umpamanya

mengadakan bateri yang lebih kecil, lebih ringan dan lebih bertenaga," katanya.

E-Van boleh berjalan sehingga 200km sebelum ia perlu dicas semula. TNB telah memajukan tiga buah van seperti itu. -- BERNAMA

ZAB ZUL NMO